

15 AUG 2002

Pustaka-Merdeka

PERPUSTAKAAN NEGARA LANCAR BIBLIOGRAFI PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melancarkan pangkalan data bibliogarafi keempat-empat Perdana Menteri Malaysia sempena perasmian sambutan Bulan Kemerdekaan 2002 jabatan itu, hari ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zawiyah Baba berkata pangkalan data yang telah diusahakan sejak September tahun lepas itu kini boleh diakses melalui laman web jabatan tersebut.

Pangkalan data itu mengandungi bibliografi Perdana Menteri pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri ketiga Allahyarham Tun Hussein Onn dan Perdana Menteri keempat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pangkalan data itu melengkapkan bibliografi Dr Mahathir yang dilancarkan pada majlis yang sama tahun lalu," katanya.

Zawiyah berkata sehingga kini pangkalan data itu mempunyai lebih 10,000 entri dan akan dikemaskini setiap bulan supaya mampu menjadi sumber rujukan yang komprehensif dan berkualiti.

Perasmian sambutan Bulan Kemerdekaan dan pelancaran laman web itu disempurnakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir.

Mahadzir pada sidang media selepas majlis itu menggesa semua sekolah melibatkan diri dalam sambutan Bulan Kemerdekaan dengan menghiasi sekolah mereka dengan bendera selain menganjurkan pertandingan menghias sekolah.

Katanya, guru besar dan pengetua sekolah harus menunjukkan inisiatif tersebut bagi memupuk semangat patriotisme di kalangan pelajar.

Sempena sambutan itu, PNM akan menjalankan pelbagai program seperti pameran kemerdekaan, Bicara Buku serta pertandingan kuiz Carian Maklumat Merdeka yang akan dijalankan secara on-line di laman web jabatan itu bermula hari ini hingga 17 Sept.

-- BERNAMA

SNS ZS ZB